

21/05/1999

Pemimpin muda perlu ada stamina

KUALA LUMPUR, Khamis - Proses yang panjang perlu untuk menjadi seorang menteri dan kerana itu, pemimpin muda mesti menunjukkan mereka mempunyai stamina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, pemimpin muda juga perlu belajar mengenai proses pentadbiran kerajaan.

"Mereka perlu menerima hakikat bahawa ia mengambil masa. Saya mengambil masa 18 tahun dalam Umno untuk menjadi seorang ahli Parlimen dan 10 tahun lagi sebelum menjadi Perdana Menteri.

"Oleh itu, saya menjadi Perdana Menteri pada umur 56 tahun. Ia mengambil masa yang lama. Kami semua mengambil masa yang lama," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan rombakan Kabinet, di sini hari ini.

Beliau diminta menghuraikan peranan pemimpin muda berikutan rombakan Kabinetnya hari ini membayangkan seseorang itu perlu melalui proses yang panjang sebelum dilantik sebagai menteri.

Ditanya sama ada rombakan kecil Kabinet itu membuka jalan ke arah kedudukan kerajaan yang lebih kuat untuk menghadapi pilihan raya, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa dalam kedudukan yang kuat untuk memenangi pilihan raya.

Bagaimanapun, katanya, ada kalanya perubahan perlu dibuat.

Mengenai faktor yang diberi pertimbangan sebelum beliau mengumumkan tarikh pilihan raya umum, yang sepatutnya diadakan sebelum Jun tahun depan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membuat pelbagai perkiraan.

"...dari segi cuaca, cuti sekolah... macam-macam perkara akan diberi pertimbangan.

"Tentulah apa yang memberi keselesaan bagi parti memerintah kerana seperti yang kita semua tahu, kerajaanlah yang memutuskan tarikh bagi sesuatu pilihan raya. Ia bukanlah tarikh yang tetap seperti di sesetengah negara," katanya.

Mengenai kemungkinan parti pembangkang akan membuat spekulasi mengenai rombakan Kabinet itu, Perdana Menteri berkata pembangkang akan sentiasa membuat spekulasi.

(END)